

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Larangan merokok tempat awam semakin diabaikan

Kuala Lumpur: Larangan merokok di kawasan awam membatik semua tempat makan di seluruh negara yang dilaksanakan sejak Januari 2019, kini dilihat semakin diabaikan rakyat Malaysia.

Tinjauan di premis makanan seperti gerai makan dan restoran mamak sekitar ibu kota di Puchong, Setapak dan Cheras, mendapati masih ramai perokok tegar dengan selamba menghisap rokok di dalam premis makanan.

Notis larangan merokok yang dipasang pada dinding premis makanan terbabit seolah-olah hanya menjadi 'perhiasan' tanpa dipedulikan perokok dan dilihat tiada tindakan diambil pemilik premis berkenaan.

Malah, perokok dilihat mengingkari larangan berkenaan dalam jarak kurang tiga meter dari sesebuah premis makanan beroperasi yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM).

Pembantu kedai makan, Nur

Wahidah Mohd Nooh, 28, berkata masih ramai pelanggan gerainya yang dibuka seawal jam 7 pagi, merokok terutama selepas selesai sarapan, dalam jarak larangan merokok.

"Ketika awal pelaksanaan larangan merokok di kawasan kedai makan pada 2019, ramai yang patuh tetapi selepas hampir empat tahun, ia semakin diabaikan.

"Kita hendak nasihat pun, tidak sedap juga terutama pelanggan yang tidak dikenali tetapi kalau pelanggan tetap, memang kita pesan," katanya kepada *BH*.

Pengurus restoran mamak yang hanya mahu dikenali sebagai Rahman, 40, berkata pihaknya sentiasa mengingatkan pelanggan supaya mematuhi larangan merokok di premis makanan.

"Ada pelanggan yang mematuhihinya, namun ada juga yang tidak menghiraukan larangan itu.

"Tidak kurang juga ada yang memberi alasan tidak perlu risau kerana penguatkuasaan lara-

ngan merokok dikatakan sudah tidak serius.

"Jika mahu dibandingkan pada awal pelaksanaan undang-undang larangan merokok itu, kini ia dilihat seperti begitu diabaikan," katanya.

Sementara itu, Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Pensiaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman, berkata undang-undang larangan merokok itu kini dilihat gagal walaupun dasar berkenaan adalah baik untuk Malaysia.

"Pada awal pelaksanaan dulu, kita nampak ada penambahbaikan dan kesan positifnya, tetapi sekarang ia nampak semakin terhapus.

"Usaha baik berkenaan perlu diteruskan, tidak kira idea (dasar) itu daripada siapapun.

"Kerajaan tidak perlu mencipta perkara baharu, bahkan dasar sedia ada itu merupakan yang terbaik, mungkin perlu menambah baik saja," katanya.



Tinjauan di sekitar ibu kota mendapati masih ada pelanggan tidak mengindahkan larangan merokok di kedai makan. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

KKD pastikan HKL dilengkapi 5G - Fahmi



Fahmi (tengah) bersama Arul Rajoo (kiri) menyantuni Mohd Sidek (kanan) yang sedang menerima rawatan di HKL menerusi program Kasih@Hawana 2023 pada Jumaat.

KUALA LUMPUR - Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) akan memastikan kawasan hospital kerajaan khususnya Hospital Kuala Lumpur (HKL) dilengkapi kemudahan rangkaian 5G yang dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Menterinya, Fahmi Fadzil berkata, pihaknya ada berbincang dengan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa baru-baru ini mengenai isu liputan internet yang dihadapi di kebanyakan hospital kerajaan termasuk HKL.

"Saya juga akan minta pihak Digital Nasional Berhad (DNB) untuk meneruskan perbincangan mereka bagi mengenal pasti lokasi yang boleh dipasang sama ada menara atau kelengkapan 5G.

"Ini penting dan saya lihat mungkin ada satu peluang untuk kita, bukan hanya lengkapkan jaringan 4G di HKL tetapi juga meneliti apa yang boleh kita lakukan untuk pemasangan 5G," katanya di HKL di sini pada Jumaat.

Jelas beliau, rangkaian 5G di HKL dapat disegerakan jika isu-isu berkaitan kemudahan tersebut diselesaikan secepat mungkin melibatkan semua pihak berkepentingan.

Sebelum itu, Fahmi menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada wartawan veteran serta bekas Penolong Pengarang Utusan Melayu (M) Bhd, Mohd Sidek Salleh yang sedang menerima rawatan di HKL menerusi program Kasih@Hawana 2023.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (*Bernama*), Roslan Ariffin, Ketua Penyiaran (TV dan Radio) *Bernama* merangkap Pengarah Projek Hawana 2023, D Arul Rajoo dan Timbalan Pengarah (Perubatan) III HKL, Dr Fairuz Azlim Muslim. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

Kes Covid-19 meningkat 3 peratus

Majoriti pesakit dimasukkan ke hospital adalah golongan berisiko tinggi

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA**

Jangkitan Covid-19 meningkat kepada tiga peratus pada musim perayaan ini dengan 4,817 kes dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-17 (ME17).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu

Hassan berkata, keadaan jangkitan Covid-19 masih terkawal dan perkhidmatan kesihatan serta kapasiti di hospital tidak terjejas.

"Majoriti pesakit yang dimasukkan ke hospital adalah golongan berisiko tinggi seperti individu dengan komorbid dan warga emas, namun peningkatan itu tidak membebankan perkhidmatan kesihatan dan hospital masih beroperasi seperti biasa," katanya.

Menurutnya, jumlah kemasukan pesakit kategori satu dan dua ke hospital awam adalah sekitar 1.4 hingga 1.8 per 100,000 populasi bagi tempoh sama.

"Bilangan pesakit kategori tiga hingga lima meningkat dari 1.3 kepada 2.0 per 100,000 populasi," katanya dalam ke-

nyataan pada Jumaat.

Beliau berkata, peratus pengisian katil ICU Covid-19 masing-masing meningkat sebanyak tiga peratus manakala meningkat 0.2 peratus bagi pesakit memerlukan bantuan pernafasan.

"Untuk makluman, peratus pengisian katil ICU Covid-19 pada 4 Mei ialah 15 peratus dan 23 peratus pengisian katil bukan kritikal," ujar Dr Muhammad Radzi.

Tambahnya, sehingga ME 17/2023, terdapat 33 kluster Covid-19 yang masih aktif dengan satu kluster baharu dilaporkan.

"Kluster baharu itu membabitkan kumpulan berisiko yang berlaku di pusat jagaan warga emas," katanya.



“

Jumlah kemasukan pesakit kategori satu dan dua ke hospital awam adalah sekitar 1.4 hingga 1.8 per 100,000 populasi bagi tempoh sama.”

- Dr Muhammad Radzi

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjangkakan kemungkinan sedikit peningkatan kes Covid-19 akan berlaku susulan pergerakan dan perjumpaan sanak saudara dan sahabat handai ketika sambutan Hari Raya dan Hari Wesak.

"Sehubungan dengan itu, KKM menggalakkan orang ramai untuk memakai pelitup muka sekiranya bergejala ketika aktiviti kunjung-mengunjung bagi melindungi keluarga, jiran dan sahabat handai daripada mendapat jangkitan," katanya.

Rumah terbuka: 'Ziarah terdidik' elak penularan Covid-19

KUALA LUMPUR - Memasuki minggu kedua Syawal, sambutan Aidilfitri terus dirayakan dengan tradisi kunjung-mengunjung saudara mara dan taulan yang tidak melepaskan peluang mengadakan rumah terbuka.

Lebih-lebih lagi tahun ini adalah kali kedua Aidilfitri dirayakan dalam suasana selepas penularan pandemik Covid-19 memuncak, dengan hampir keseluruhan sekatan mencegah jangkitan ditarik balik.

Namun, di sebalik keseronokan meraikan hari raya, bertemu dan berkumpul beramai-ramai, masyarakat kata pakar kesihatan, perlu ingat ancaman virus maut itu masih wujud dengan varian terbaharu - XBB.1.16 atau Arcturus - telah dikesan di negara ini.

Walaupun tidak menyebabkan gejala yang teruk atau segenas Delta yang mencetuskan gelombang kes besar-besaran di negara sebelum ini, subvarian daripada keluarga Omicron ini menular dengan cepat, iaitu 1.2 kali ganda lebih pantas berbanding varian asal.

Menurut pakar, seperti varian dan subvarian terdahulu, Arcturus membawa risiko tinggi terhadap warga emas serta golongan rentan khususnya dan rumah terbuka berpotensi mencetuskan penularan baharu.

Mengulas tentang hal itu, pakar perubatan kesihatan awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, berdasarkan laporan di negara lain, subvarian terbaharu ini tidak mencetuskan jangkitan yang teruk ke atas individu biasa,



Memasuki minggu kedua Syawal, sambutan Aidilfitri terus dirayakan dengan tradisi kunjung-mengunjung saudara mara dan taulan yang tidak melepaskan peluang mengadakan rumah terbuka. -Gambar hiasan

namun bagi warga emas dan golongan rentan, tahap jangkitan yang dialami mereka tetap sama seperti varian asal Covid-19.

"Tidak kiralah varian apa sekalipun, kita tidak boleh ambil ringan khususnya dalam kalangan golongan rentan kerana imuniti rendah dan boleh menyebabkan mereka berdepan komplikasi penyakit lain yang lebih teruk jika dijangkiti (subvarian Covid-19 terbaharu ini).

"Jika golongan ini tidak berhati-hati dan pada masa sama tidak lengkap dos penggalak vaksin Covid-19, jangkitan akan merisikokan mereka mengalami 'long Covid-19' selain boleh menyebabkan kematian sekalipun setakat ini belum ada kematian akibat Arcturus dilaporkan," katanya.

Setakat ini, Arcturus

dilaporkan dikesan di lebih 30 negara sejak dikenal pasti pada Januari lepas.

Menurut Dr Zainal Ariffin, selain demam panas luar biasa dan batuk iaitu gejala biasa Covid-19 yang diakibatkan oleh varian terdahulu, Arcturus turut dikesan mencetuskan simptom baharu seperti konjunktivitis atau jangkitan mata, menyebabkan mata pesakit kemerahan, kegalatan dan bengkak.

Walaupun konjunktivitis pernah dilaporkan sebagai antara simptom Covid-19 sebelum ini, gejala itu tidak selalim yang disebabkan subvarian baharu ini.

"Amalan kunjung-mengunjung semasa musim perayaan tidak salah dan masih boleh diteruskan, tetapi mungkin ada yang sudah alpa, lupa, berasa selesa atau leka dengan

pemakaian pelitup muka. Jadi, saya ingatkan masyarakat untuk terus kekal patuh SOP (prosedur operasi standard) secara berterusan tanpa bosan.

"Bagi mereka yang disyaki mempunyai gejala atau simptom, dinasihatkan untuk jujur pada diri dengan tidak meneruskan amalan kunjung-mengunjung. Apatah lagi jika rumah yang ingin dikunjungi itu ada orang tua ataupun orang sakit yang sistem imunnya rendah kerana ini boleh membahayakan yang lain walaupun kesan subvarian ini tidak bahaya," nasihat beliau.

Setakat 1 Mei lepas, negara melaporkan 9,780 kes baharu Covid-19 dalam tempoh 14 hari dengan Selangor merekodkan kes terbanyak, iaitu 3,414 kes, diikuti Kuala Lumpur (2,130) dan Melaka (792).

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa pada 24 April lepas dipetik berkata, kementerian mengesan 12 kes jangkitan Arcturus di negara ini, iaitu empat di Selangor, dua di Kuala Lumpur dan enam di Sarawak.

Situasi menang-menang

Sementara itu, menurut Profesor Dr Sanjay Rampal, pakar perubatan kesihatan awam daripada Universiti Malaya, subvarian Covid-19 yang baharu ini mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk menjadi strain utama dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

"Walaupun subvarian ini memungkinkan berlakunya peningkatan jumlah kes dalam tempoh perayaan ini kerana sifat Arcturus yang mudah berjangkit, masyarakat tidak perlu bimbang kerana kita mempunyai kapasiti mencukupi untuk mengendalikan beban jangkitan semasa.

"Akan tetapi pada masa sama kita perlu terus memantau rapi perkembangan jangkitan dan memastikan perkhidmatan kesihatan awam di peringkat akar umbi mempunyai sumber dan kapasiti mencukupi untuk mencegah dan mengawal (kemungkinan gelombang baharu) Covid-19," kata beliau.

Dr Sanjay turut menasihati individu yang mengesyaki dirinya bergejala agar membuat ujian sendiri sebelum mengunjungi rumah orang lain serta berjumpa doktor jika gejala yang dialami berpanjangan sekalipun ujian sendiri menunjukkan keputusan negatif. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

Duti eksais: Hanya 10 kilang vape berdaftar

PETALING JAYA: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan mengesan pengilang cecair vape mengandungi nikotin yang tidak berdaftar susulan pelaksanaan duti eksais berkuat kuasa 1 April lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah JKDM, Datuk Zazuli Johan berkata, setakat ini sebanyak 10 syarikat pengilang yang berdaftar dengan pihaknya dalam tempoh diberikan sehingga 30 April lalu.

Beliau berkata, kesemua itu melibatkan tujuh pemohon lesen baharu vape bernikotin dan tiga lagi pelesen yang memohon bagi menambah produk me-

ngandungi bahan tersebut.

“Pendaftaran kurang membe-rangsangkan kerana kebanya-kan cecair atau gel bernikotin di negara ini diimport dari luar negara.

“Terutamanya vape atau ro- kok elektronik pakai buang dan bukan dihasilkan dari kilang tempatan,” katanya ketika dihu- bungi di sini semalam.

Berkuat kuasa 1 April lalu, melalui pewartaan Perintah Du- ti Eksais (Pindaan) 2023, duti eksais akan dikenakan pada RMO.40 sen bagi setiap mililiter cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape.

Dalam pembentangan Ba-

jet 2024 pada 24 Februari lalu, kerajaan bercadang mengena- kan duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik serta vape.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan ber- kata, perkara itu perlu dilaku- kan bagi mengurangkan peng- gunaan vape.

“Alangkah baik sekiranya ia dikawal selia dan dikenakan cu- kai supaya tidak menggalakkan penggunaan vape.

“Kerajaan menyokong ikhtiar Generational Endgame (GEG) dan bersetuju bahawa separuh daripada hasil duti eksais ini akan diperuntukkan semula

kepada Kementerian Kesihatan sebagai usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan termasuk kempen anti rokok dan anti arak yang berkesan,” katanya.

Tambah Zazuli, pihaknya akan melaksanakan pemantau- an dan pemeriksaan terhadap pengilang cecair vape berniko- tin, pengimport vape bagi me- mastikan mereka mengikrarkan di dalam penyata dan borang kas- tam dengan betul.

“Justeru, kita meminta jika ada mana-mana syarikat yang belum mendaftar tampil kepada pihak Kastam sebelum tindakan selanjutnya diambil,” ujar be- liau.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 30
RUANGAN : DALAM NEGERI

Covid-19 meningkat musim Aidilfitri, catat 4,963 kes

PUTRAJAYA: Kes positif Covid-19 dilaporkan meningkat sebanyak tiga peratus pada musim perayaan Aidilfitri iaitu pada Minggu Epidemiologi ke-17 (ME 17/2023) bermula dari 23 hingga 29 April lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan, berkata, pada masa sama, kes Covid-19 turut direkodkan sebanyak 4,963 pada minggu tersebut.

"Seperti diperhatikan dalam pelaporan data Covid-19 semasa musim perayaan beberapa tahun kebelakangan ini, sememangnya terdapat sedikit peningkatan kes iaitu tiga peratus pada ME 17/2023 berbanding 4,817 kes minggu sebelumnya.

"Data dari Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) juga menunjukkan jumlah kes masuk pesakit Covid-19 (termasuk pesakit disyaki Covid-19) ke fasiliti kesihatan awam meningkat dari 4.8 kepada 5.8 bagi setiap 100,000 populasi pada ME 17/2023 berbanding ME 16/2023," katanya dalam satu kenyataan semalam.

AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEWS / NATION

4,963 CASES

Covid-19 cases rose by 3pc last week

KUALA LUMPUR: The number of Covid-19 cases reported in the 17th epidemiological week from April 23 to 29 increased by three per cent, from 4,817 cases in the previous week to 4,963 cases due to the festive season.

Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said yesterday based on data from the Health Ministry's Crisis Preparedness and Response Centre, the number of admissions of Covid-19 patients to public health facilities also increased from 4.8 per cent per 100,000 population in the previous week to 5.8 per cent.

"Category one and two patients increased from 1.4 per cent to 1.8 per cent, and category three, four and five patients increased from 1.3 to two per cent," he said, adding that the bed usage per-

centage in Covid-19 facilities increased by three per cent for non-critical and intensive Care Unit patients. The number of patients requiring ventilators increased by 0.2 per cent.

Radzi said most patients admitted to the hospital were high-risk groups such as individuals with comorbidities and the elderly, but this did not burden health services and hospitals which were operating as usual.

The Covid-19 situation in Malaysia, he said, was under control and health services and hospital capacity were not affected.

The ministry expects a slight increase in Covid-19 cases following the movement and gatherings during the recent Hari Raya Aidilfitri and Wesak Day celebrations and advises the public to wear a face mask if they have symptoms during visiting activities to protect their families, neighbours and friends from getting infected with Covid-19.



Datuk Dr
Muhammad Radzi
Abu Hassan

Students, teachers and school personnel are also urged to adhere to standard operating procedures to curb Covid-19 infections.

Bernama



The Health Ministry has advised the people to wear face masks. PIC BY SAIFULLIZAN TAMADI

AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEWS / NATION

SAFE FOR CONSUMPTION

No order by Health Ministry to recall Mie Sedaap products

KUALA LUMPUR: There is no directive from the Health Ministry to recall the Mie Sedaap instant noodle brand of products in the Malaysian market.

Gentle Supreme Sdn Bhd, which is the distributor of the food product, said a recent statement issued on April 24 by Taipei's Health Department on instant noodles products found to be carcinogenic is unrelated to Mie Sedaap.

The company added that they are working closely with the ministry to ensure that all Mie Sedaap products sold nationwide fulfil all requirements and are free from Ethylene Oxide.

"We assure that the products sold are in full compliance with the food safety regulations enforced by the Health Ministry and are safe for consumption.

"Together with our manufacturers, we have placed strict food safety and quality controls at our Mie Sedaap factories.

"This includes thorough quality checks at each stage of our raw

material sourcing and manufacturing process which comply with international food safety standards," the company said in a statement yesterday.

Gentle Supreme also stressed the safety of its products as they have obtained various certifications and approvals from regulatory bodies in both Malaysia and Indonesia.

These include a halal certificate from the Malaysian Islamic Development Department, Permission from the Food and Drug Agency of Indonesia, ISO 22000 Certification for International Standard of Food Safety Management, and Halal Certificate from the Indonesian Ulema Council.

"These certifications guarantee that Mie Sedaap products meet the production standards that are highly controlled and are produced under stringent production and supervision standards.

"All Malaysians can be confident that any Mie Sedaap Noodle products that are currently available on the shelves of our re-



Gentle Supreme Sdn Bhd gives an assurance that its products are in compliance with food safety regulations. FILE PIC

tailers across Malaysia are safe to consume.

"The quality and safety of our products remain the top priorities for our Company."

Previously, the Health Ministry issued an order to voluntary re-

call the Ah Lai White Curry Noodles and Indomie: Special Chicken Flavour noodles from Indonesia over reports that the products contained ethylene oxide.

Ethylene oxide is a chemical compound that is carcinogenic

and used to kill pests such as insects.

It is also used as an active ingredient in detergents but is not allowed to be used on surfaces that come into contact with food.